

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 8 September 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

JULAI 2023

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 4.5 peratus pada Julai 2023

PUTRAJAYA, 8 September 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Julai 2023**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 4.5 peratus pada bulan Julai 2023 (28,533 tan metrik) berbanding pada bulan Jun 2023 (29,867 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan penurunan 24.6 peratus (Julai 2022: 37,843 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Julai 2023 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (82.5%) berbanding sektor estet (17.5%).

Jumlah stok getah asli pada Julai 2023 menurun 9.9 peratus kepada 143,840 tan metrik berbanding 159,718 tan metrik pada Jun 2023. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 87.9 peratus diikuti kilang pengguna getah (11.9%) dan estet getah (0.2%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 51,785 tan metrik pada Julai 2023 meningkat 6.0 peratus berbanding Jun 2023 (48,848 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi

utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 42.8 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Julai 2023 diikuti Jerman (9.5%), Pakistan (4.4%), Amerika Syarikat (3.3%) dan Brazil (2.2%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM0.95 billion pada Julai 2023, menurun 0.6 peratus berbanding Jun 2023 (RM0.96 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 1.5 peratus (Julai 2023: 490.18 sen sekilogram; Jun 2023: 497.70 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun 2.2 peratus (Julai 2023: 471.14 sen sekilogram; Jun 2023: 481.91 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 1.5 peratus hingga 2.3 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) menurun 1.5 peratus (daripada USD 1.32/kg kepada USD1.30/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 2.7 peratus (daripada USD1.53/kg kepada USD1.49/kg).


Menurut laporan *Malaysia Rubber Board Digest* pada Julai 2023, menyaksikan trend pasaran getah Kuala Lumpur bercampur-campur seiring dengan pasaran hadapan getah serantau berikutan kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi global walaupun pengumuman positif oleh Bank Dunia. Pasaran juga bertindak balas negatif terhadap pengukuhan Ringgit serta peningkatan dalam pengeluaran getah asli tempatan.

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Julai 2022 dan Jun - Julai 2023
(‘000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Julai 2022 dan Jun - Julai 2023
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 SEPTEMBER 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 8th September 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
JULY 2023

**Malaysia natural rubber production
decreased by 4.5 per cent in July 2023**

PUTRAJAYA, 8 September 2023 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, July 2023**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 4.5 per cent in July 2023 (28,533 tonnes) as compared to June 2023 (29,867 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 24.6 per cent (July 2022: 37,843 tonnes). Production of NR in July 2023 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (82.5%) as compared to estates sector (17.5%).

Total stocks of NR in July 2023 decreased by 9.9 per cent to 143,840 tonnes as compared to 159,718 tonnes in June 2023. Rubber processors factory contributed 87.9 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (11.9%) and rubber estates (0.2%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 51,785 tonnes in July 2023, increased 6.0 per cent as against June 2023 (48,848 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 42.8 per cent of total exports in July 2023 followed by Germany (9.5%), Pakistan (4.4%), U.S.A (3.3%) and Brazil (2.2%). The exports

performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM0.95 billion in July 2023, a decrease of 0.6 per cent as compared to June 2023 (RM0.96 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded a decrease of 1.5 per cent (July 2023: 490.18 sen per kg; June 2023: 497.70 sen per kg) while Scrap decreased by 2.2 per cent (July 2023: 471.14 sen per kg; June 2023: 481.91 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) decreased between 1.5 per cent to 2.3 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has decreased 1.5 per cent (from USD1.32/kg to USD1.30/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 2.7 per cent (from USD1.53/kg to USD1.49/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest in July 2023, the Kuala Lumpur rubber market witnessed a mixed trend during the review period in tandem with regional rubber futures markets following concerns on global economic slowdown despite the positive announcement by the World Bank. The markets also reacted negatively to the steep strengthening of Ringgit coupled with an increase in local natural rubber production.

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber July 2022 and June - July 2023
(‘000 tonnes)





Chart 2: Imports and exports of natural rubber July 2022 and June - July 2023
(‘000 tonnes)



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 SEPTEMBER 2023**